



Kriteria Kenaikan Pangkat ke Jawatan **Pensyarah Universiti Gred Khas A VK5** (Profesor)

Kriteria bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Pensyarah Universiti Gred Khas A VK5 (Profesor)** terbahagi kepada empat (4) bahagian:

Bahagian		Kaedah Penilaian
A	Kriteria Am	Mesti memenuhi kesemua Kriteria Am. Kriteria ini adalah sama bagi kesemua kategori permohonan kenaikan pangkat di UniSZA.
B	Kriteria Asas	Mesti memenuhi kesemua Kriteria Asas. Kriteria ini adalah berbeza mengikut jawatan dan laluan yang dimohon.
C	Kriteria Laluan	Mesti mencapai markah penuh bagi Kriteria Laluan. Pemarkahan akan dibuat secara berautomasi melalui sistem berasaskan web yang digunakan.
D	Kriteria Khas	Mesti menghantar dokumen yang diperlukan. Pemarkahan akan dibuat oleh Jawatankuasa yang dilantik.

Bahagian A: Kriteria Am

Kriteria ini adalah sama bagi semua laluan kerjaya. Calon yang memohon MESTI memenuhi kesemua kriteria dalam bahagian ini sepertimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Kriteria ini adalah sama bagi kesemua kategori permohonan kenaikan pangkat di UniSZA. Kriteria am adalah sebagaimana berikut:

1. Disahkan dalam perkhidmatan.
2. Telah mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu LNPT (80% dan ke atas) bagi tempoh tiga (3) tahun terkini.
3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.
4. Bebas tindakan tatatertib.

5. Telah mengisytiharkan harta.
6. Lulus tapisan SPRM.
7. Bebas daripada peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan.

Bahagian B: Kriteria Asas

Kriteria ini adalah berbeza mengikut laluan kerjaya. Calon yang memohon MESTI memenuhi kesemua kriteria dalam bahagian ini. Kriteria asas bagi permohonan ini adalah sebagaimana berikut:

Laluan Kerjaya Pengajaran

1. Minimum **empat (4) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains Sosial, ATAU **lapan (8) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains dan Teknologi, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
2. Minimum **20 sitasi** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains Sosial, ATAU **80 sitasi** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains dan Teknologi, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
3. Minimum tiga (3) tahun perkhidmatan di UniSZA.
4. Mengetuai minimum **satu (1)** geran Nasional/Korporat selepas kenaikan pangkat VK6.
5. Menggraduatekan minimum **dua (2)** orang pelajar PhD sebagai Penyelia Utama selepas kenaikan pangkat VK6.

Laluan Kerjaya Penyelidikan

1. Minimum **lapan (8) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains Sosial, ATAU **16 H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains dan Teknologi, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
2. Minimum **70 sitasi** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains Sosial, ATAU **280 sitasi** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains dan Teknologi, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
3. Minimum tiga (3) tahun perkhidmatan di UniSZA.
4. Mengetuai minimum **satu (1)** geran Nasional/Korporat selepas kenaikan pangkat VK6.

5. Menggraduatkan minimum **dua (2)** orang pelajar PhD sebagai Penyelia Utama selepas kenaikan pangkat VK6.

Laluan Kerjaya Kepimpinan

1. Minimum **empat (4) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains Sosial, ATAU **lapan (8) H-Indeks** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains dan Teknologi, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
2. Minimum **20 sitasi** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains Sosial, ATAU **80 sitasi** (Scopus) secara kumulatif bagi bidang Sains dan Teknologi, ketika permohonan kenaikan pangkat dibuat.
3. Minimum tiga (3) tahun perkhidmatan di UniSZA.
4. Mengetuai minimum **satu (1)** geran Nasional/Korporat setelah kenaikan pangkat VK6.
5. Menggraduatkan minimum **dua (2)** orang pelajar PhD sebagai Penyelia Utama setelah kenaikan pangkat VK6.
6. Minimum **satu (1) lantikan** sebagai Dekan/Pengarah.

Bahagian C: Kriteria Laluan

Kriteria ini adalah berbeza mengikut laluan kerjaya. Calon yang memohon MESTI memenuhi markah penuh yang ditetapkan. Senarai kesetaraan markah bagi semua kriteria boleh dirujuk pada dokumen **Kesetaraan Markah Kriteria Kenaikan Pangkat** yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar. Kriteria mengikut laluan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori sebagaimana berikut:

Kategori
a. Pengajaran
b. Penyelidikan
c. Kepimpinan

Kriteria mengikut laluan adalah sebagaimana berikut:

Laluan Kerjaya Pengajaran

Pembahagian kriteria laluan mengikut kategori adalah sebagaimana berikut:

Kategori	Kriteria	Markah Perlu Dicapai	Jumlah Markah	%
Pengajaran	1. Jam Pengajaran	84	89	66
	2. Inovasi Pengajaran	5		
Penyelidikan	3. Bilangan Geran Penyelidikan	2	20	15
	4. Lain-lain Penerbitan	1		
	5. Penyeliaan Pascasiswazah	4		
	6. Harta Intelek (Selain Paten)	1		
	7. Nilai Geran Penyelidikan	4		
	8. Penerbitan Ilmiah	4		
	9. Harta Intelek Paten/Pengkomersialan	-		
	10. Penerbitan Artikel Jurnal Berindeks	4		
	11. Inovasi Penyelidikan	-		
Kepimpinan	12. Keahlian Akademik	-	25	19
	13. Keahlian Badan Bukan Kerajaan	-		
	14. Penilai/Pemeriksa	5		
	15. Perundingan	5		
	16. Kepimpinan Jawatankuasa	5		
	17. Editor/Penilai Khas	5		
	18. Kepimpinan Akademik	5		

Laluan Kerjaya Penyelidikan

Pembahagian kriteria laluan mengikut kategori adalah sebagaimana berikut:

Kategori	Kriteria	Markah Perlu Dicapai	Jumlah Markah	%
Pengajaran	1. Jam Pengajaran	24	24	22
	2. Inovasi Pengajaran	-		
Penyelidikan	3. Bilangan Geran Penyelidikan	3	60	55
	4. Lain-lain Penerbitan	10		
	5. Penyeliaan Pascasiswazah	4		

Syarat Kenaikan Pangkat Staf Akademik

	6. Harta Intelek (Selain Paten)	4		
	7. Nilai Geran Penyelidikan	12		
	8. Penerbitan Ilmiah	6		
	9. Harta Intelek Paten/Pengkomersialan	3		
	10. Penerbitan Artikel Jurnal Berindeks	15		
	11. Inovasi Penyelidikan	3		
Kepimpinan	12. Keahlian Akademik	-	25	23
	13. Keahlian Badan Bukan Kerajaan	-		
	14. Penilai/Pemeriksa	5		
	15. Perundingan	5		
	16. Kepimpinan Jawatankuasa	5		
	17. Editor/Penilai Khas	5		
	18. Kepimpinan Akademik	5		

Laluan Kerjaya Kepimpinan

Pembahagian kriteria laluan mengikut kategori adalah sebagaimana berikut:

Kategori	Kriteria	Markah Perlu Dicapai	Jumlah Markah	%
Pengajaran	1. Jam Pengajaran	24	24	27
	2. Inovasi Pengajaran	-		
Penyelidikan	3. Bilangan Geran Penyelidikan	1	16	18
	4. Lain-lain Penerbitan	2		
	5. Penyeliaan Pascasiswazah	4		
	6. Harta Intelek (Selain Paten)	2		
	7. Nilai Geran Penyelidikan	2		
	8. Penerbitan Ilmiah	2		
	9. Harta Intelek Paten/Pengkomersialan	-		
	10. Penerbitan Artikel Jurnal Berindeks	3		
	11. Inovasi Penyelidikan	-		
Kepimpinan	12. Keahlian Akademik	10	50	55
	13. Keahlian Badan Bukan Kerajaan	5		
	14. Penilai/Pemeriksa	5		

	15. Perundingan	5		
	16. Kepimpinan Jawatankuasa	10		
	17. Editor/Penilai Khas	5		
	18. Kepimpinan Akademik	10		

Bahagian D: Kriteria Khas

Kriteria Khas ini hanya diguna pakai bagi Laluan Kerjaya Pengajaran, Penyelidikan dan Kepimpinan sahaja. Setiap permohonan MESTI dihantar bersama kesemua dokumen yang diperlukan bagi memenuhi kriteria ini. Pemarkahan kriteria akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas Kenaikan pangkat.

Laluan Kerjaya Pengajaran

Kriteria Khas mengikut laluan ini terbahagi kepada **dua (2)** adalah sebagaimana berikut:

Kriteria Khas	Jumlah Markah
Laporan Penilaian 360 darjah Laluan Pengajaran bagi pengukuran tahap kompetensi (dinilai oleh Pemegang Taruh)	20
Portfolio Pengajaran (dinilai oleh Jawatankuasa yang dilantik)	80
Jumlah Markah	100

Laluan Kerjaya Penyelidikan

Kriteria Khas mengikut laluan ini terbahagi kepada **dua (2)** adalah sebagaimana berikut:

Kriteria Khas	Jumlah Markah
Laporan Penilaian 360 darjah Laluan Penyelidikan bagi pengukuran tahap kompetensi (dinilai oleh Pemegang Taruh)	20
Portfolio Penyelidikan (dinilai oleh Jawatankuasa yang dilantik)	80
Jumlah Markah	100

Laluan Kerjaya Kepimpinan

Kriteria Khas mengikut laluan ini terbahagi kepada **tiga (3)** adalah sebagaimana berikut:

Kriteria Khas	Jumlah Markah
Laporan Penilaian 360 darjah Laluan Kepimpinan bagi pengukuran tahap kompetensi (dinilai oleh Pemegang Taruh)	10
Portfolio Kepimpinan (dinilai oleh Jawatankuasa yang dilantik)	40
Pengetahuan dalam organisasi dan kemahiran kepimpinan (dinilai oleh Panel Temu duga)	50
Jumlah Markah	100